



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PENGERUSI LEMBAGA BANDARAN (SUPERSCALE B / SUPERSCALE C)
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENGERUSI LEMBAGA BANDARAN
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
SUPERSCALE B (\$8,000 - \$9,710 SEBULAN) /
SUPERSCALE C (\$6,800 - \$7,010 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE B

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Administrative Management* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Bandaran sebagai Pengerusi Lembaga Bandaran atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji *Superscale C* atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji *Superscale C* atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE C

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Administrative Management* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.



- b) Telah berkhidmat di Jabatan Bandaran dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Bandaran atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- 1. Bertanggungjawab sepenuhnya dalam semua aspek pengurusan dan pentadbiran Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan bagi memastikan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan memberikan perkhidmatan yang efisien dan berkesan.

Antara pengurusan dan pentadbiran perbandaran Bandar Seri Begawan seperti berikut:

- a. Memangkin sosio dan perekonomian di kawasan perbandaran Bandar Seri Begawan.
- b. Mengutip hasil Kerajaan melalui hasil cukai bangunan, hasil sewa bangku perniagaan dan hasil letak kereta.
- c. Pengurusan kebersihan persekitaran perbandaran Bandar Seri Begawan.
- d. Perkhidmatan pengangkutan sampah di Kawasan Perbandaran Bandar Seri Begawan.
- e. Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan dalam melaksanakan undang-undang di bawah bidang kuasa dan mengesankan tindakan undang-undang diambil terhadap kesalahan khususnya di bawah Akta-Akta berikut:
 - i. Akta Lembaga Bandaran Penggal 57;



- ii. Akta Lalulintas Jalanraya Penggal 68;
 - iii. Undang-Undang Kecil (*By Laws*) Lembaga Bandaran 1920;
 - iv. Akta Hiburan Awam;
 - v. Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Bab 12 Penggal 30 (cara dan prosedur untuk mengkompaun) 2006; dan
 - vi. Akta Anjing Penggal 60.
- f. Memelihara taman-taman riadah untuk orang ramai yang di bawah kawalan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan iaitu Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan Taman Peranginan Tasek Lama.
- 2. Memastikan pengurusan kewangan yang diluluskan di bawah peruntukan Anggaran Perbelanjaan Tahunan dan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) serta kutipan hasil adalah memenuhi Peraturan Kewangan;
 - 3. Meneraju Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dengan kerjasama agensi-agensi lain membuat perancangan dan pelaksanaan pembangunan dan kemajuan Bandar Seri Begawan secara bersistematik, teratur dan terarah sesuai dengan hasrat bagi mentransformasikan Bandar Seri Begawan sebagai sebuah perbandaran yang dinamik, berdaya saing, cantik, menarik, bersih dan selamat untuk didiami serta mampu menjana aktiviti sosio dan perekonomian disamping bertahan menjadi ristaan generasi yang akan datang;
 - 4. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan memantau segala program, aktiviti dan usaha ke arah perkembangan dan kemajuan kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan selaras dan sejajar dengan perancangan strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pelan induk Bandar Seri Begawan;
 - 5. Bertanggungjawab kepada peningkatan tahap kualiti serta penambahbaikan pentadbiran, pengurusan keseluruhan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dari semasa ke semasa termasuk tenaga pekerjanya; dan
 - 6. Bertanggungjawab kepada peningkatan tahap kualiti yang terbaik berhubung kait pemberian perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.